

# 100 pelajar B40 UKM terima sumbangan YBR teruskan pengajian

Oleh [Essa Abu Yamin](#) - November 8, 2023 @ 9:36pm  
[essabuyamin@bh.com.my](mailto:essabuyamin@bh.com.my)



Pengurus Besar YBR, Syaiful Rizal Abdul Ghani (kiri), Syahredzan Johan, Mohamad Abd Razak, Ketua Pustakawan UKM, Rohaya Umar, Timbalan Pengarah Perkhidmatan Inklusif (HEP), Dr Nurwina Akmal Annuar pada sesi penyerahan replika cek Bantuan Awal Pengajian UKM. - Foto ihsan YBR

KUALA LUMPUR: Seramai 100 pelajar daripada keluarga B40 Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menerima Bantuan Awal Pengajian (BAP) daripada Yayasan Bank Rakyat (YBR) sebanyak RM100,000 bagi meneruskan pengajian.

Ahli Lembaga Pemegang Amanah YBR, Syahredzan Johan, berkata bantuan itu membabitkan pelajar semester satu hingga tiga di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda dengan peruntukan RM1,000 setiap seorang dalam kalangan keluarga B40.

Katanya, pemilihan pelajar terbabit dikenal pasti oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar UKM.

"YBR sentiasa proaktif dalam memberikan bantuan kepada golongan yang tidak bernasib baik terutama B40 untuk mendapat kualiti pendidikan sama seperti mereka yang lain.

"Inisiatif untuk memperkasakan mutu pendidikan tidak hanya memberi fokus terhadap pelajar, namun suasana pembelajaran di universiti juga harus diberi penekanan kerana dengan sumber yang mencukupi pelajar akan lebih selesa dan mudah untuk membuat capaian maklumat," katanya dalam kenyataan.

Syahredzan berharap bantuan berkenaan dapat mengurangkan bebanan pelajar untuk meneruskan semester pengajian dan juga sebagai pemangkin untuk berusaha mendapat keputusan yang cemerlang di masa akan datang.

Dalam majlis yang sama, YBR melalui Perpustakaan Digital Serambi Ilmu Rakyat menyumbangkan set kelengkapan 'SIR Corner' kepada perpustakaan Tun Seri Lanang UKM dengan objektif memberikan manfaat kepada seluruh pelajar UKM dalam mendapatkan maklumat terkini serta bahan bacaan ilmiah secara digital.

"YBR turut memperuntukkan RM350,000.00 setiap tahun untuk langganan dan pangkalan data bahan-bahan digital SIR dari pihak pembekal.

"Usaha ini bertujuan menggalakkan tabiat membaca dari pelajar-pelajar dan masyarakat tanpa sempadan masa dan lokasi," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Lembaga Pengarah UKM, Prof Datuk Dr Mohamad Abd Razak, berkata pelbagai inisiatif diambil membabitkan pertubuhan, sektor korporat dan individu untuk bersama sebagai penyumbang kepada universiti dalam bentuk penyediaan ruang pembelajaran baharu yang kondusif, kelengkapan peralatan, sumbangan berbentuk dana wakaf bagi pembangunan fizikal serta serahan koleksi-koleksi peribadi membabitkan bahan nadir bernilai tinggi.

"Terima kasih YBR, antara pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang prihatin mewujudkan Serambi Ilmu Rakyat serta memberi bantuan tunai kepada para pelajar UKM dalam meneruskan pengajian dan enam pengasas awal UKM juga turut hadir dan menyerahkan bahan untuk simpanan arkib dan muzium UKM bagi rujukan kepada pelajar-pelajar UKM," katanya.